

17/03/2002

PM bersyukur majalah Time mohon maaf

Ahmad Rejal Arbee

MOSCOW: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersyukur kerana majalah antarabangsa Time telah memohon maaf kepada Malaysia berikutan tuduhan negara ini sebagai pangkalan yang digunakan pengganas untuk melancarkan serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York, 11 September lalu.

Perdana Menteri berharap majalah mingguan itu akan membuat laporan yang betul mengenai apa yang berlaku di Malaysia pada masa-masa akan datang.

Beliau diminta mengulas langkah majalah Time memohon maaf kerana laporannya dalam edisi 11 Februari yang memburukkan imej Malaysia dengan memaparkannya sebagai markas pengganas.

Permohonan maaf itu diterima melalui sepucuk surat bertarikh 28 Februari daripada ibu pejabat Time di Lancaster, London. Ia ditandatangani oleh penerbit bahagian antarabangsa Andrew Butcher yang menyatakan rasa kesalnya berhubung kesilapan itu.

Beliau juga menyambut baik pengakuan Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika yang mengakui Malaysia bukanlah negara digunakan pengganas untuk melancar serangan di New York.

Kelmarin, Pengarah FBI, Robert S Mueller III ketika mengunjungi Kuala Lumpur, berkata dakwaan kononnya Malaysia menjadi pusat operasi gerakan pengganas antarabangsa adalah tidak berasas sama sekali.

Dr Mahathir berkata, Malaysia memang menentang pengganas dan sudah mengambil tindakan terhadap orang-orang yang disyaki sebelum dan selepas tragedi 11 September.

Beliau berkata, apa-apa tindakan yang diambil kerajaan terhadap anasir itu adalah untuk kepentingan keselamatan negara bukannya untuk kepentingan orang lain.

Sekiranya tindakan itu selari dengan usaha Amerika memerangi pengganas, Malaysia tidak bermasalah.

Beliau juga menegaskan kembali, tindakan terhadap pengganas tidak sama dengan memerangi sesebuah negara seperti Afghanistan yang menjadikan rakyat biasa sebagai mangsa.

Malaysia juga tidak bersetuju peperangan terhadap pengganas diperluaskan dengan melancarkan peperangan ke atas negara-negara lain.

Beliau juga menyambut baik keputusan Tabung Pension California (Calpers) menarik balik tindakannya tidak lagi mahu melabur di Asia Tenggara.

"Masalahnya mereka membuat keputusan melulu hanya bergantung kepada laporan akhbar mereka yang tidak sentiasanya betul. Sepatutnya mereka mengadakan selidikan sendiri untuk mengetahui keadaan sebenar tanpa dipengaruhi laporan akhbar yang mempunyai agenda sendiri," katanya.

Beliau menjelaskan, walaupun sudah membuat keputusan untuk menarik balik pelaburannya di Malaysia, tabung itu sudah memohon mendapatkan bon Malaysia yang dibuka untuk langganan baru-baru ini.

Sementara itu, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata, lulusan perubatan dari Russia yang dijangka meningkat dapat membantu mengatasi masalah kekurangan doktor di Malaysia,

Beliau berkata semakin ramai rakyat Malaysia mengikuti jurusan perubatan di Rusia selepas kerajaan mengiktiraf ijazah daripada lima institusi pengajian perubatan terkemuka di negara ini penghujung tahun lalu.

"Mungkin selepas empat atau lima tahun akan datang, 200 graduan akan keluar setiap tahun dari kelima-lima universiti dan ini dapat membantu

mengatasi kekurangan doktor yang dihadapi Kementerian Kesihatan," katanya kepada wartawan Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan lawatan Perdana Menteri.

Chua, salah seorang daripada lima menteri dalam delegasi Malaysia untuk lawatan rasmi tiga hari itu, berkata lima buah institusi pengajian perubatan itu adalah antara 10 yang terbaik di Russia.

Sempena lawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertemu penuntut Malaysia yang mengikuti jurusan perubatan di negara ini.

Kira-kira 100 pelajar persendirian dari Malaysia mengikuti bidang itu di Moscow Medical Academy, Russian State Medical University, Nizhni Novgorod State Medical Academy, Volgograd State Medical Academy dan Kursk State Medical University.

Chua berkata antara kelebihan mengikuti pengajian perubatan di negara ini ialah kosnya yang rendah berbanding universiti di negara lain termasuk India.

Beliau memberi contoh Moscow Medical Academy, adalah universiti perubatan terunggul di Russia, hanya mengenakan US\$25,000 (RM95,000) untuk enam tahun pengajian termasuk penginapan.

(END)